

# Biri-biri, rusa kahwin di zoo China

**B**EIJING: Sebuah zoo China akan mengadakan perkahwinan Hari Valentine untuk seekor biri-biri jantan dengan rusa betina, lapor agensi berita kerajaan Xinhua, semalam.

Pengunjung membanjiri taman hidupan liar di wilayah barat daya di Yunnan untuk menyaksikan biri-biri yang mempunyai nama Cina, Changmao bermaksud rambut panjang dan rusa itu, Chunzi (suci), selepas penjaga zoo mendedahkan di Internet, kedua-dua haiwan itu mula mengawan.

Taman hidupan liar itu akan mengeluarkan 500 tiket khas pada harga 66 yuan (RM33) sekeping untuk acara itu, lapor media kerajaan China News Service.

Bagaimanapun, pakar memberi amaran mengenai kualiti manusia pada haiwan. - AFP